

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Pemakaian Kerangka Kelayakan Malaysia
(*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) Edisi Kedua (2024)**
[Pekeliling MQA Bil. 5/2024 bertarikh 1 Ogos 2024]

Ringkasan ketetapan

- i. Kerangka Kelayakan Malaysia MQF 2.0 (2017) oleh MQA telah berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 April 2020.
- ii. MQA telah mengemas kini dokumen MQF 2.0 (2017) selaras dengan perkembangan pendidikan tinggi semasa dan maklum balas daripada pihak berkepentingan bagi memastikan dokumen ini kekal relevan dan terkini.
- iii. Pengemaskinian dokumen MQF 2.0 (2024) dilaksanakan dengan pengukuhan perkara berikut:
 1. *Value-Based Education (VBE)*;
 2. *Flexible Learning Pathways*;
 3. *Global Sustainability Agenda*; dan
 4. *Harmonisation of MQF with other Sectoral/Occupational Frameworks*.
- iv. Pemakaian terhadap MQF 2.0 (2024) akan dilaksanakan dalam **tempoh transisi dua tahun bermula 1 Ogos 2024** dengan mengambil kira penyesuaian, penajaran dan pembangunan dokumen jaminan kualiti berkaitan yang dikemas kini secara berperingkat.
- v. Perbandingan antara MQF 2.0 (2017) dan MQF 2.0 (2024) adalah seperti di **Lampiran C1**.
- vi. Dokumen MQF 2.0 (2024) boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul **SWAAKREDITASI**.

Tindakan di peringkat UPM

- vii. Pihak CADe-Lead dimohon untuk menyelaras pemetaan yang perlu dibuat bagi semua program yang ditawarkan di UPM agar mematuhi MQF 2.0 (2024).
- viii. Pemilik program perlu memastikan pemetaan program masing-masing tersedia dalam tempoh transisi yang ditetapkan oleh MQA iaitu dua tahun bermula 1 Ogos 2024.

Disediakan oleh:

Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Universiti Putra Malaysia
7 Oktober 2024